


PENGURUSAN KEWANGAN





KANDUNGAN



PERSEDIAAN ALAM PERKAHWINAN

- Membuat persediaan kewangan SEBELUM dan SELEPAS berkahwin
- Perbelanjaan mengikut keutamaan



ASAS MENGURUS PINJAMAN

- Memohon pinjaman
- Nisbah hutang kepada pendapatan
- Menjadi penjamin
- Pengiraan ansuran sewa beli kenderaan
- Kewangan Islam
- Skim penipuan kewangan
- Perbankan digital



PENGURUSAN ALIRAN TUNAI

- Jenis pendapatan & perbelanjaan
- Penyediaan bajet
- Peratus Belanjawan isi rumah
- Simpanan
- Tip perbelanjaan




RUMUSAN

- Tip pengurusan kewangan berhemat

Persediaan Alam Perkahwinan

CONTOH PERBELANJAAN AWAL PERKAHWINAN





Berbelanja Mengikut Keutamaan

Perbelanjaan di dalam Islam mengikut Maqasid Shari'ah yang mengutamakan keperluan berbanding kehendak

DHARURIYYAT

ضروریات

Keperluan Asas

- Makanan, minuman, tempat tinggal, pakaian, Perubatan dan pendidikan

HAJIYYAT

حاجیات

Melengkapi Keperluan Asas

- Barangan rumah seperti perabot, barangan eletik, telefon dan kenderaan.

TAHSINIYYAT

تحسینیات

Bermewah-mewah

- , Perhiasan , percutian, Jamuan Hari raya, ulang tahun perkahwinan dan kelahiran

KEWAJIPAN BERZAKAT

FIRMAN ALLAH S.W.T.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
(Al-Taubah ayat 103)

SABDA NABI S.A.W.

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ،
وَأَقَامَ الصَّلَاةَ، وَإِيتَاءَ الزَّكَاةَ، وَالْحَجَّ، وَصَوْمَ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Islam terbina atas lima perkara: mengucap bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Nabi Muhammad SAW adalah Rasulullah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan.”

تخریج: صحیح البخاری، کتاب الإیمان، باب قول النبی صلی الله علیه وسلم بنی الإسلام علی خمس، حدیث 8 عن ابن عمر رضی الله
عنهما



JENIS-JENIS ZAKAT


ZAKAT FITRAH

Zakat Diri Yang Diwajibkan Ke Atas Setiap Individu Muslim Lelaki Dan Perempuan Dalam Bulan Ramadhan Mengikut Syarat- Syarat Yang Ditetapkan.

ZAKAT HARTA

Mengeluarkan Suatu Kadar Tertentu, Daripada Harta-harta Yang Tertentu, Kepada Golongan Yang Tertentu, berdasarkan Syarat-syarat Yang Telah Ditetapkan

KADAR ZAKAT





2.5% atau 1/40 dari pendapatan / harta


Contoh : $RM\ 13,000 \times 2.5\% = RM\ 325$

SYARAT WAJIB ZAKAT

Harta yang telah cukup nisab hendaklah berada dalam pemilikan dan simpanan selama setahun iaitu pusingan 12 bulan tahun Hijrah (354 hari)



Zakat diwajibkan ke atas orang Islam sahaja. (Orang bukan Islam tidak wajib)



Zakat diwajibkan ke atas orang Islam yang merdeka (Bukan hamba)

Nisab ialah kadar minima yang ditetapkan oleh syarak bagi sesuatu harta untuk dikeluarkan zakat. Kekurangan daripada kadar tersebut menggugurkan kewajipan berzakat



Harta yang dimiliki dan kuasai sepenuhnya oleh orang Islam yang merdeka dan bebas untuk menggunakannya.



TUJUAN BERZAKAT

- ❖ Melaksanakan Rukun Islam
- ❖ Mensucikan Harta Kita Dari Mengambil Hak Orang Lain (Hak Fakir & Miskin)
- ❖ Menyuburkan Harta Dan Tidak Akan Jatuh Miskin
- ❖ Supaya Harta Kita Terpelihara

JENIS -JENIS ZAKAT HARTA

- Zakat Pendapatan : 2.5 %
- Zakat Wang Simpanan : 2.5 %
- Zakat Saham : 2.5 %
- Zakat Perniagaan : 2.5 %
- Zakat Emas & Perak : 2.5 %
- Zakat Pertanian : 1/20 @ 1/10
- Zakat Ternakan : lihat jenis
- Zakat Rikaz @ Galian : 20%



KAEDAH PENGIRAAN

ZAKAT SIMPANAN



i. ADA BEBERAPA AKAUN

Baki terendah semua akaun sepanjang tahun tersebut di campurkan kesemuanya dan cukup nisab x 2.5 %

ii. HANYA SATU AKAUN SAHAJA

Baki terendah dalam tahun tersebut x 2.5 %.




KEWAJIPAN ZAKAT PENDAPATAN

PENDAPATAN : *Bayaran yang dibuat atau diterima oleh seseorang sebagai upah kerja atau perkhidmatan yang dilakukan mengikut masa tertentu termasuk elaun, imbuhan daripada pekerjaan dan perkhidmatan profesional*


Jawatankuasa Syariah Negeri Johor (Lujnah Fatwa) Pada Bulan Februari Tahun 2000 Telah Memutuskan Bahawa :

“ Gaji Dan Pendapatan Wajib Dikeluarkan Zakat Bila Mana Cukup Syarat- Syaratnya ”



KEMUDAHAN PEMBAYARAN ZAKAT

- **Kaunter MAINJ**
- **Amil Zakat Harta**
- **Amil Korporat**
- **Kiriman Pos**
- **Kaunter Bank (8 Buah Bank)**
 - **Maybank, RHB, Bank Islam, Bank Pertanian, BSN, Bank Rakyat, EON Bank, Bank Muamalat.**
- **Potongan Gaji Bulanan (Skim Infaq)**
- **Kaunter Pejabat Pos**





ZAKAT DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN

Akta Cukai Pendapatan 1967, Seksyen 6A(1) dan (3); menyatakan bahawa setiap mereka yang membayar Zakat ditolak atau dikecualikan kadar tersebut dari membayar cukai pendapatan.

“6A (1) Tertakluk kepada Seksyen ini cukai pendapatan yang dikenakan bagi tahun taksiran atas pendapatan tiap- tiap orang individu yang bermastautin dalam tahun asas bagi tahun itu hendaklah direbetkan bagi tahun taksiran itu mengikut sub-seksyen –(3)


Pengurusan Aliran Tunai



Contoh Penyediaan Bajet

<u>PERKARA</u>	<u>BAJET (RM)</u>		<u>SEBENAR</u>		<u>BEZA</u>
Pendapatan (Tolak KWSP, PERKESO dan cukai/zakat)	3,000		3,000		-
Pendapatan Lain / Pasif	500		500		-
JUMLAH KESELURUHAN PENDAPATAN		3,500		3,000	-
- Simpanan (10% daripada jumlah pendapatan)	(350)		(350)		
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS SIMPANAN		3,150		3,150	-
<u>Perbelanjaan Tetap</u>					
Ansuran/Sewa Rumah	800		800		-
Kenderaan	300		300		-
Insurans	100		100		-
Pemberian Ibu bapa	150		150		-
Jumlah Perbelanjaan Tetap (A)		1,350		1,350	-
<u>Perbelanjaan Berubah</u>					
Makan/Minum	700		650		-50
Utiliti	500		600		+100
Petrol/Pengangkutan	200		350		+150
Jumlah Perbelanjaan Berubah- ubah (B)		1,400		1,600	
<u>Perbelanjaan Budi Bicara</u>					
Rekreasi	100		200		+100
Jumlah Perbelanjaan Berubah-ubah (C)		100		200	
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN (A+B+C)		2,850		3,150	
Jumlah Baki		300		0	+300

Peratus Belanjawan Isi Rumah



* Peratusan yang disarankan

Menabung

Jumlah simpanan sekurang-kurangnya **10% daripada gaji** bersih bulanan yang diperolehi

Dana untuk kecemasan yang disarankan untuk bertahan hidup selama **3 hingga 6 bulan**

Simpan di **institusi kewangan** yang diiktiraf patuh shari'ah



10%

3-6 bulan

Simpan sebelum belanja, **BUKAN** simpan selepas belanja



Simpan untuk **menunaikan Haji atau Umrah**



Simpanan dalam bentuk **pelaburan** atau **asset**



Tip Perbelanjaan

Rancang & sediakan senarai belian



Bawa tunai seperti dirancang



Pilih harga yang terbaik



Beli apa yang perlu sahaja



Jangan membeli ketika lapar



Kawal guna kad kredit





Asas Meminjam



Apa yang **ANDA**
perlu lihat?

Apa yang **INSTITUSI
KEWANGAN** lihat?



Untuk tujuan
PRODUKTIF sahaja

**Tujuan
Pinjaman**

Menilai **RISIKO**

Mengikut
KEMAMPUAN

**Keupayaan
Membayar**

Menilai kedudukan
PENDAPATAN semasa

Tanggungjawab
MORAL (bayar balik)

**Sejarah
Kredit**

Menilai **REKOD**
pembayaran
semasa & lampau


Nisbah Hutang Kepada Pendapatan


$$\frac{\text{Jumlah Pembayaran Balik Bulanan}}{\text{Pendapatan Bersih}} \times 100\%$$

Contoh:

Pendapatan bersih En. Ali ialah **RM4,135**. Jumlah pembayaran balik bulanan (perumahan, sewa beli dan kad kredit ialah **RM1,935**)

$$= \frac{\text{RM1,935}}{\text{RM4,135}} \times 100\%$$
$$= \mathbf{47\%}$$





Menjadi Penjamin



Menjadi penjamin adalah **BERISIKO**

Jika peminjam gagal bayar, **PENJAMIN HARUS BERTANGGUNGJAWAB**

FIKIR DAHULU, sanggupkah anda membayar bagi pihak peminjam

Pengiraan Sewa Beli Kenderaan

	• Harga kereta	= RM50,000.00
	• Bayaran pendahuluan @ 10%	= RM5,000.00
	• Jumlah pembiayaan	= RM45,000.00
	• Kadar keuntungan (sama rata)	= 3.5%
	• Tempoh	= 5 tahun (60 bulan)

1 JUMLAH KEUNTUNGAN


= Jumlah pembiayaan x kadar x tahun
= RM45,000.00 x 3.5% x 5
= RM7,875.00

2 JUMLAH PEMBIAYAAN + KEUNTUNGAN

= RM45,000 + RM7,875.00
= RM52,875.00

3 ANSURAN BULANAN

= Jumlah pembiayaan ÷ bilangan bulan
= RM52,875.00 ÷ 60 bulan (5 tahun x 12 bulan)
= RM881.25



Kewangan Islam

Sistem kewangan yang mengikut kaedah patuh syariah yang dipantau oleh Lembaga Penasihat Syariah. Panduan patuh syariah adalah aktiviti yang bebas daripada riba, perjudian (*maisir*) dan kesamaran (*gharar*).

PERBANKAN ISLAM

- Pembiayaan kereta
- Pembiayaan rumah
- Pembiayaan peribadi
- Kad kredit

PASARAN MODAL ISLAM

- Pasaran saham
- Pasaran saham amanah

TAKAFUL

- Takaful keluarga
- Takaful am





Riba dan Implikasi

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Padahal Allah telah menghalalkan menjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba 2:275

Maksud Riba:


Sebarang tambahan di atas hutang akibat penangguhan tempoh dan tambahan dalam pertukaran barangan tertentu

JENIS – JENIS RIBA

1. Riba Ad-Duyun
 - i. Al-Qardh
 - ii. Al- Jahiliyyah
2. Riba al-Buyu'
 - i. An-Nasi'ah
 - ii. Al-Fadhli

KEMUDARATAN RIBA

- Akhlak & Moral
- Ekonomi
- Eksploitasi
- Sikap Malas
- Kesan kemasyarakatan



Skim Penipuan Kewangan

- Hanya sebahagian dilaburkan
- Diminta labur semula
- Cari ahli baru

Pengambilan
Deposit
Tidak Sah

- Pulangan terjamin
- Syarikat luar negara, tidak memerlukan lesen dalam Malaysia
- Pulangan awal pasti lumayan

Pelaburan
Skim
Internet
Tidak Sah


- Terima SMS Menang Hadiah
- Meminta butiran peribadi seperti nombor akaun dan nombor pin

Pengeluaran
Tidak Sah

- Telefon dan memberitahu yang kad dipakai
- Menggunakan kad mangsa dengan butiran yang diperolehi

Penipuan
Kad Kredit/
Kad Debit

Perbankan Digital




Pengurusan Kewangan yang Baik



Tip Pengurusan Kewangan Berhemat





“Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi penolong bagi sebahagian yang lain”

(Surah at-Taubah ayat 71)

“Adakah jihad di jalan Allah itu hanya yang terbunuh (dalam perang) saja? Sesiapa yang bekerja untuk menyara orang tuanya, maka dia di jalan Allah, sesiapa yang berkerja untuk menyara keluarganya maka dia di jalan Allah dan sesiapa yang bekerja untuk bermewah-mewahan (memperbanyak harta) maka dia di jalan thaghut.”

(Hadith Riwayat al-Tobrani)



Soal Jawab





TERIMA KASIH